



27 SEP, 2023

66 individu disyaki terbabit ditahan

Harian Metro, Malaysia



Johor Bahru: Seramai 66 individu ditahan kerana dipercayai terbabit dalam kegiatan perjudian di seluruh Johor dalam satu operasi yang dijalankan bermula 22 September sehingga kelmarin.

Ketua Polis Johor Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, mereka yang ditahan berusia 19 hingga 66 tahun terdiri daripada 52 lelaki tempatan, tiga lelaki

KEGIATAN PERJUDIAN DI JOHOR

66 individu disyaki terbabit ditahan

warga asing, enam wanita tempatan dan lima wanita warga asing serta rampasan wang tunai sebanyak RM9,641.

Beliau berkata menerusi Op Dadu Khas selama empat hari bagi membentaras judi dalam talian dan

loteri awam tanpa lesen itu, turut dirampas 67 unit telefon bimbit pelbagai jenama dan 23 pencetak mudah alih.

"Dalam masa sama, sebanyak 56 premis diperiksa dan pemetongan bekalan elektrik serta pembatalan lesen terhadap premis yang terbabit akan dilakukan, menunggu kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Tenaga Nasional Bhd (TNB).

"Semua tangkapan dibawa ke mahkamah untuk permohonan reman yang

diperuntukkan di bawah Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Kamarul Zaman, kes disiasat di bawah Seksyen 4(A) dan 4(B) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 kerana menjaga atau me-

ngurus atau membantu tempat perjudian terbuka dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang RM50,000 dan penjara tidak lebih tiga tahun.

Beliau berkata orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai aktiviti berkaitan boleh menyalurkan maklumat kepada Bilik Gerakan Polis Johor di talian 07-221 2999 atau 07-225 4677.